

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 15 NOVEMBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 53)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN
BIN ABAS [MERSING]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan Kerajaan dalam menangani masalah ketirisan penjualan minyak petrol bersubsidi (RON 95) di stesen-stesen minyak berdekatan sempadan negara dan diesel bersubsidi secara haram di sempadan maritim negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sentiasa melaksanakan kawalan berterusan ke atas penjualan dan pengedaran barang kawalan bersubsidi bagi membendung penyelewengan dan memastikan bekalannya sentiasa dapat dinikmati oleh rakyat di negara ini. Penjualan barang-barang kawalan bersubsidi seperti jualan Petrol RON95 dan diesel di stesen-stesen minyak di negeri-negeri bersempadan sememangnya mempunyai risiko ketirisan yang lebih tinggi berbanding dari negeri-negeri lain.

Oleh yang demikian, beberapa tindakan telah diambil oleh KPDN bagi membendung aktiviti penyelewengan dan ketirisan penjualan Petrol RON95 dan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak di negeri bersempadan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah

Pelaksanaan Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan Penjualan Petrol RON95 dan Diesel Kepada Kenderaan Asing di Stesen Minyak Di Sempadan telah dikuatkuasakan sejak tahun 2009 lagi dan sentiasa ditambahbaik berdasarkan situasi semasa.

Pada 17 Jun 2022, Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan dan Kawalan Jualan Petrol dan Diesel telah dikeluarkan dan dikuatkuasakan kepada semua pengusaha stesen minyak di seluruh negara. Di bawah pelaksanaan arahan ini, pengusaha stesen minyak yang berada dalam jarak 50 km dari pintu sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Singapura serta stesen minyak dalam jarak 30km dari pintu sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei adalah dilarang menjual Petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing termasuk motosikal. Mereka hanya boleh menjual Petrol RON97 kepada kenderaan-kenderaan berkenaan. Manakala penjualan diesel pula hanya dibenarkan dengan had limit tidak melebihi 20 liter sahaja. Selain itu, bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang mengambil kesempatan untuk menyeleweng minyak bersubsidi, penjualan diesel bagi kenderaan berpendaftaran Malaysia adalah tidak melebihi 250 liter sehari dengan syarat diisi terus ke dalam tangki asal kenderaan. Malah, penjualan petrol dan diesel dalam bekas selain dari tangki asal kenderaan perlu mendapatkan kebenaran dari Pengawal Bekalan melalui kelulusan Permit Khas.

Memandangkan jarak radius keseluruhan Negeri Perlis dengan negeri Thailand adalah kurang dari 50km, maka KPDM telah memperketatkan kawalan penjualan Petrol RON95 dan diesel di stesen-stesen minyak di negeri berkenaan. Pada 01 Februari 2023, Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan Penjualan Petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing termasuk motosikal telah di Negeri Perlis telah dipinda dengan melarang terus jualan Petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing. Walaubagaimanapun, kenderaan-kenderaan berpendaftaran asing masih lagi boleh mendapatkan bekalan Petrol RON95 dan diesel tidak bersubsidi di dua buah stesen minyak komersial yang diberikan kebenaran oleh KPDM di Padang Besar, Perlis dan di Wang Kelian, Perlis.

Selain itu, KPDN masih meneruskan tindakan mengawalselia operasi stesen-stesen minyak di negeri bersempadan dengan pelaksanaan Buku Log dan Peti Lawatan yang telah dilaksanakan sejak Tahun 2021.

Malah, KPDN turut mengadakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Polis Gerakan Am, Pasukan Polis Marin, Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan serta lain-lain agensi bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan lebih holistik dan efisien.

Bagi penguatkuasaan di sempadan maritim negara, selain dari bantuan tindakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, KPDN juga adalah antara agensi yang turut bersama dalam kerjasama bilateral antara negara-negara jiran untuk mengekang ketirisan barang bersubsidi di sempadan agar lebih efisien dan holistik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY
BIN BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah projek bawah RM50 juta di Sabah dan Sarawak yang telah diluluskan dan dilaksanakan setelah penurunan kuasa ini dijalankan.

JAWAPAN

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan prihatin terhadap pembangunan inklusif bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Selaras dengan itu, Kerajaan telah mengiktiraf Jabatan Teknik Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 182 bermula tahun ini dan melibatkan projek baharu *Rolling Plan* (RP) 3.
2. Berdasarkan maklumat dan data Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU-JPM), sehingga kini di bawah RP3, terdapat sebanyak **137 projek dengan kos di bawah RM50 juta** di bawah pelaksanaan Jabatan Teknik Sabah dan Sarawak. Perincian pecahan bilangan dan kos projek bagi Jabatan Teknik Sabah dan

Sarawak adalah seperti Jadual dibawah:

Negeri	Agensi	Bilangan Projek	Kos Projek (RM)
Sabah	JKR Sabah	63	1,341,285,259.11
	JPS Sabah	1	4,700,000.00
Sarawak	JKR Sarawak	69	987,879,569.13
	JPS Sarawak	4	48,250,000.00
Jumlah		137	2,382,114,828.24

Sumber: Mesyuarat Penyelarasan Projek Jabatan Teknik Sabah Sarawak

3. Selain itu, jumlah yang dibentangkan juga turut mengambil kira penyelarasan selaras dengan surat edaran Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld. 2 (22) bertarikh 16 Jun 2023 berkaitan Kelonggaran Dalam Urusan Perolehan Kerja Bagi Semua Projek Kecil Penyelenggaraan dan Pembaikan Kerajaan Persekutuan yang menetapkan supaya projek di bawah RM1 juta dilaksanakan sendiri oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan tindakan pihak Kementerian melalui Jawatankuasa Road To Gold (RTG) bagi persiapan para atlet negara menghadapi temasya Sukan Olimpik Paris 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Road to Gold (RTG) telah ditubuhkan pada bulan Mac 2023 bertujuan untuk menyelaraskan usaha negara bagi meraih pingat emas pertama di pentas Sukan Olimpik. Jawatankuasa projek ini dipengerusikan oleh saya selaku Menteri Belia dan Sukan secara bersama dengan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Ini bagi memastikan supaya terdapat kesinambungan kepada Jawatankuasa walaupun terdapat pertukaran Menteri Belia dan Sukan setiap kali Kerajaan bertukar. Pelantikan ahli RTG dibuat daripada pelbagai latar belakang individu bekas-bekas atlet seperti Datuk Wira (Dr.) Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David dan Dato' Mirnawan bin Datuk Hj. Nawawi. Ini adalah penting untuk memastikan keputusan pembangunan sukan negara perlu berasaskan pandangan pakar dan bukan pendirian politik semata-mata. Ini adalah

SOALAN NO : 12

bagi memastikan kesinambungan dan kestabilan ke arah memenangi pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik.

Untuk makluman, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah mengadakan satu Mesyuarat Jawatankuasa RTG Bilangan 3/2023 pada 31 Oktober yang lalu bagi membincangkan beberapa perkara seperti:

- i. Prestasi Atlet;
- ii. Laporan Perbelanjaan;
- iii. Kemasukan dan Pengguguran Atlet;
- iv. Kemasukan Skuasy ke Sukan Olimpik Los Angeles 2028; dan
- v. Status Atlet.

Selain itu, Kementerian juga telah mengadakan perbincangan bersama wakil daripada pihak Nippon Sport Science University (NSSU), Tokyo, Jepun dengan kehadiran wakil Projek RTG bagi mengenal pasti strategi-strategi yang boleh diambil khususnya dalam ekosistem kejurulatihan dan menginstitusikan RTG supaya tidak berubah setiap kali Kerajaan bertukar.

Bagi Projek RTG, Jawatankuasa RTG bekerjasama dengan Program Podium MSN yang sedia ada dengan memberi tumpuan kepada persediaan atlet elit dari aspek sokongan tambahan (*top-up*) yang meliputi aspek latihan harian, latihan luar negara, pendedahan kejohanan luar negara, perkhidmatan sokongan, peralatan, perubatan dan sains sukan. Sehingga kini, sebanyak 23 kejohanan luar negara dan empat (4) latihan luar negara telah disertai oleh atlet-atlet dari sukan Badminton, Akuatik-Terjun, Hoki dan Berbasikal.

Pasukan Khas (*Dedicated Team*) bagi menyediakan perkhidmatan sokongan Sains dan Perubatan Sukan telah ditubuhkan bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kecergasan serta prestasi atlet ke tahap yang optimum sama ada ketika menjalani program latihan harian mahupun ketika penyertaan ke kejohanan di luar negara.

SOALAN NO : 12

Pemilihan atlet-atlet RTG adalah berdasarkan kepada kriteria yang ketat dan atlet-atlet yang terpilih akan disediakan dengan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan tambahan bagi memastikan mereka sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Atlet-atlet Projek RTG sentiasa dipantau oleh Jawatankuasa RTG dari semasa ke semasa menerusi Mesyuarat Jawatankuasa RTG yang diadakan setiap tiga (3) bulan sekali. Perbincangan di peringkat dalaman kerap dilaksanakan bagi memantau prestasi semasa atlet di samping mengenalpasti *performance gap* yang boleh ditambah baik dengan segera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan kesiapsiagaan anggota bomba hadapi bencana khususnya terkait penyelesaian permasalahan projek pembinaan balai bomba yang sakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Berhubung isu yang dibangkitkan, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa mencari alternatif atau kaedah terbaik bagi memastikan pengoperasian dan kesiapsiagaan JBPM berada di tahap optimum termasuk ketika bencana. Antara langkah yang diambil oleh JBPM adalah seperti berikut:

- i. menyediakan peralatan dan kelengkapan merangkumi persediaan logistik untuk pengangkutan darat, air dan udara. Bagi kawasan atau lokasi tertentu yang jauh di pedalaman, JBPM berusaha memastikan capaian ke lokasi tersebut dapat dilaksanakan seperti melalui penggunaan unit udara bomba;
- ii. mekanisma mobilisasi keperluan keanggotaan semasa bencana telah tersedia di dalam *Standard Operation Procedure* (SOP) JBPM. Justeru, arahan dan pergerakan bantuan sokongan kepada balai-balai akan diselaraskan melalui Pusat Gerakan Operasi;
- iii. menyusun dan menyelaraskan atur gerak kekuatan anggota dengan mengambil kira penyelarasan pertukaran shif bekerja pegawai bomba dari 12 jam kepada 24 jam sekiranya bencana berlaku dan mengambil masa yang lama atau panjang untuk ditamatkan;
- iv. menempatkan aset logistik di tiga (3) Pangkalan Hadapan Wilayah atau *Regional Forward Base* (RFB) sekiranya negara

menghadapi musim Monsun Timur Laut. RFB terdiri daripada tiga (3) zon utama iaitu:

- a) Zon Utara (BBP Perda, Pulau Pinang)
 - b) Zon Timur (ABPM Wilayah Timur, Terengganu)
 - c) Zon Selatan (BBP Ayer Hitam, Johor)
- v. RFB akan diaktifkan dan aset logistik ditempatkan lebih awal apabila mendapat notifikasi oleh Metmalaysia; dan
- vi. menyediakan Pasukan Gerak Cepat Monsun Timur Laut bagi memastikan respon ke lokasi kejadian lebih cepat apabila diperlukan.

Selain itu, JBPM juga berusaha memperkasakan bantuan dari Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang mempunyai keanggotaan keseluruhan seramai 7,898 orang atau sebanyak 358 pasukan yang aktif di seluruh negara. JBPM juga menggalakkan penubuhan PBS khususnya di lokasi yang jauh dari capaian atau respon JBPM bagi membantu mempertingkatkan bantuan sokongan.

Di samping itu, Kementerian sentiasa memantau projek pembinaan balai bomba yang sakit. Pihak Kementerian akan membuat penilaian dan pertimbangan bagi kelayakan pemberian tambahan masa (EOT) kepada pihak kontraktor sekiranya berlaku kelewatan disebabkan oleh bencana. Pemberian EOT ini secara langsung akan mengubah *Critical Path Method* (CPM) projek kepada suatu bentuk perancangan kerja yang lebih praktikal dan realistik untuk menyiapkan projek. Pada masa yang sama, Kementerian juga akan memastikan pihak kontraktor mengemukakan pelan pemulihan (*recovery plan*) bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut perancangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023

SOALAN

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan SOP penganjuran konsert-konsert yang melibatkan artis-artis luar negara mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan supaya tidak bercanggah dengan nilai kesopanan dalam Islam diikuti oleh pihak penganjur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) adalah merupakan pusat setempat yang menerima dan memproses permohonan kemasukan ke Malaysia oleh artis luar negara dan kru asing yang terlibat dalam sesuatu persembahan di Malaysia (kecuali Sabah dan Sarawak yang tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri). Terdapat sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada daripada 16 kementerian/jabatan/agensi Kerajaan dan diurusetiaikan oleh Unit PUSPAL di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD).

Setiap permohonan yang dikemukakan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada Garis Panduan PUSPAL (GPP) yang menjelaskan dasar Kerajaan berhubung penggambaran filem asing dan persembahan artis luar negara, tatacara permohonan dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi termasuk kod etika persembahan dan penggambaran filem asing. Antara peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi termasuk kod etika persembahan artis luar negara (perkara yang dibenarkan dan dilarang semasa persembahan serta etika berpakaian bagi artis luar negara lelaki dan wanita).

Selain daripada GPP, sebarang penganjuran konsert yang melibatkan artis luar negara dan kru asing turut tertakluk kepada prosedur operasi standard yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa atau Kerajaan Negeri di lokasi di mana konsert akan diadakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL
[MAS GADING]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci apakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi kerja-kerja mengukur tanah Native Customary Rights (NCR) di Sarawak di bawah RMKe-12 dan apakah bentuk kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di dalam membantu mempercepatkan proses pengeluaran geran NCR.

JAWAPAN

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan memberi perhatian khusus kepada masyarakat di Negeri Sarawak dengan menyediakan peruntukan yang sewajarnya bagi kerja-kerja mengukur tanah NCR di Sarawak. Peruntukan ini disediakan melalui Program Pengukuran Tanah Hak Adat di bawah Program Khas Bumiputera Sarawak.

2. Untuk tempoh **RMKe-12**, sebanyak **RM100 juta** kos siling telah diluluskan bagi pelaksanaan program. Daripada tahun 2021 hingga 2023, sebanyak RM37.6 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Ini tidak termasuk peruntukan tambahan RM10 juta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2023.

3. Kerajaan Persekutuan komited untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi supaya kerja-kerja pengukuran yang dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dapat dilaksanakan dengan lancar. Selain daripada menggunakan teknologi *Global Navigation Satellite System* (GNSS) yang berupaya meningkatkan kerja-kerja pengukuran sebanyak dua (2) kali ganda, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak turut melantik juruukur swasta bagi mempercepatkan proses pengeluaran geran NCR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan:-

- (a) usaha memperkasakan peraturan spesifikasi struktur bangunan yang berdaya tahan menghadapi bencana alam; dan
- (b) langkah penguatkuasaan peraturan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia pada tahun 2019. Garis Panduan ini disediakan bertujuan membantu kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengurangkan risiko bencana semula jadi melalui penentuan tahap daya

SOALAN NO : 16

tahan sesebuah bandar (*disaster resilient city*) dalam menghadapi bencana.

KPKT melalui PLANMalaysia juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Pembangunan dan Pengurusan di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi pada tahun 2018 sebagai rujukan kepada kerajaan negeri, PBT dan agensi berkaitan bagi mengenal pasti langkah-langkah pengawalan, perancangan dan pengurusan di kawasan berisiko gempa bumi di Malaysia.

Garis panduan perancangan yang disediakan ini turut menggariskan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi bagi pengurangan risiko bencana (*disaster risk reduction*) termasuklah di dalam peraturan spesifikasi bangunan yang berdaya tahan bencana. Langkah-langkah ini termasuklah aspek kawalan perancangan dan penguatkuasaan yang lebih terperinci khususnya oleh PBT bagi pertimbangan kelulusan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan yang merangkumi perancangan tapak, susun atur, rekabentuk dan ketahanan struktur bangunan dan infrastruktur yang berdaya tahan bencana.

Secara kesimpulannya, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT boleh merujuk Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia dan Garis Panduan Perancangan Pembangunan dan Pengurusan di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi dalam mematuhi dan menguat kuasa peraturan berkaitan spesifikasi struktur bangunan bagi tujuan menghadapi bencana alam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan masalah liputan internet yang amat teruk di sekitar Pusa, Beladin dan Lingga dan apakah tindakan oleh kementerian dalam menyelesaikan masalah ini yang telah lama berlarutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan liputan internet tidak memuaskan antaranya ialah kekurangan kapasiti rangkaian dan struktur menara bagi menampung keperluan pengguna sedia ada.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah merancang pembinaan empat menara 4G baharu di bawah inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang kini sedang dibangunkan di sekitar tiga kawasan yang dinyatakan iaitu di Rumah Lakan, Kampung Baru Seduku, Engkerepok Ili, Lingga dan Kampung Hulu Pusa. Kesemua empat menara baharu ini dijangka siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga suku pertama 2024.

Selain itu, terdapat empat menara baharu 4G sedang dibangunkan oleh Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) iaitu Kampung Sungai Pedada, Kampung Semarang, Beladin, Jalan Feri Beladin-Pusa; dan Jalan Sungai Meruang, Pusa. Kesemua menara tersebut dijangka siap secara berperingkat sehingga suku kedua 2024.

Kerajaan juga turut menyediakan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 94 daripada 748 PoP berjaya disiapkan di Sarawak dan menjadikan 9,776 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, kesemua 4 PoP di bawah Fasa 1 telah siap dibina dan 19 PoP di bawah Fasa 2 dalam proses pelaksanaan, menjadikan kesemuanya sebanyak 23 PoP di kawasan Parlimen Batang Lupar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAFI
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAFI [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan tindakan semasa oleh Kerajaan bagi menangani perbezaan jurang kos perbelanjaan sara hidup bagi rakyat yang tinggal di dalam bandar dan di luar bandar berikutan peningkatan harga barang mentah yang dilihat semakin meningkat mutakhir ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memahami serta cakna akan kesan kenaikan harga barang kepada rakyat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah. Walaupun demikian, Kerajaan tidak lepas tangan malah berusaha secara berterusan sama ada di sudut polisi dan dasar kerajaan, perundangan, inisiatif-inisiatif dan program, mahupun penguatkuasaan bagi mengurangkan impak yang dihadapi oleh rakyat semua peringkat B40, M40 dan T20.

Berhubung dengan isu perbezaan jurang perbelanjaan bagi rakyat yang hidup di bandar dengan rakyat di luar bandar, harus diakui bahawa perbezaan ini disebabkan terdapat perbezaan harga barangan dan perkhidmatan antara bandar dan luar bandar. Banyak faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini antaranya kos pengedaran, kos sewa tapak perniagaan, upah pekerja serta kuasa beli.

Berhubung dengan isu perbezaan jurang perbelanjaan bagi rakyat yang hidup di bandar dengan rakyat di luar bandar, harus diakui bahawa perbezaan ini disebabkan terdapat perbezaan harga barangan dan perkhidmatan antara bandar dan luar bandar. Banyak faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini antaranya kos pengedaran, kos sewa tapak perniagaan, upah pekerja serta kuasa beli pengguna.

Menyedari akan keadaan ini, salah satu langkah yang diambil oleh Kementerian ialah dengan melaksanakan Jualan Rahmah di seluruh negara bagi membolehkan golongan yang terkesan dengan himpitan kenaikan harga barang dapat membeli barangan keperluan asas pada harga yang munasabah. Untuk makluman, sehingga 3 Oktober 2023, Kementerian telah melaksanakan hampir 2,306 lokasi di seluruh negara dengan hampir 3.6 juta pengunjung. Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, lokasi pelaksanaan Jualan Rahmah ini meliputi kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negara.

Kementerian melalui Bahagian Penguatkuasa di seluruh negara sentiasa memantau dan melaksanakan pemeriksaan bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan dan perundangan semasa. Melaksanakan beberapa operasi seperti OPS TAPIS, OPS TIRIS dan OPS JAMIN bagi memastikan keberadaan bekalan di pasaran serta melindungi hak dan kepentingan pengguna. Selain itu, Kementerian juga menggerakkan Pegawai Pemantau Harga (PPH) di seluruh negara bagi melakukan cerapan harga bagi barangan dan premis terpilih.

Dikesempatan ini, Kementerian menyeru rakyat Malaysia tidak kira di bandar atau di luar bandar untuk merancang pembelian, merujuk harga dan lokasi melalui aplikasi PriceCatcher. Selain itu, rakyat Malaysia juga boleh merujuk premis yang melakukan jualan murah melalui aplikasi MySales Tracker. Kementerian juga menyeru agar rakyat Malaysia menyalurkan aduan pengguna melalui EZ Adu KPDN melalui saluran yang telah disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
(PARIT SULONG)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD (PARIT SULONG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian dengan kerjasama Bank Negara dapat memantau dan menetapkan jumlah maksimum kadar faedah yang boleh dikenakan oleh syarikat pemberi wang berlesen agar ia tidak akan membeban dan menganiaya pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab dalam mengawal selia aktiviti pemberian pinjaman wang secara konvensional oleh syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) atau lebih dikenali sebagai Kredit Komuniti (KK). Ini termasuk pemantauan terhadap kadar faedah pinjaman yang dikenakan kepada peminjam selaras dengan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]. Subseksyen 17A (1), Akta 400 telah menyatakan bahawa faedah bagi pinjaman adalah seperti berikut:

- i. pinjaman bercagar hendaklah tidak melebihi 12% setahun atau 1.0% sebulan; dan
- ii. pinjaman tanpa cagaran hendaklah tidak melebihi 18% setahun atau 1.5% sebulan.

Akta 400 melalui Subseksyen 17A (2) pula menerangkan bahawa faedah tidak boleh pada bila-bila masa dikutip oleh pemegang lesen akan suatu jumlah yang melebihi jumlah pokok yang kena dibayar. Oleh yang demikian, tempoh dan jumlah bayaran semula ansuran perlu mematuhi Akta 400 dan semua Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.

Kadar faedah nominal dan kadar faedah efektif di bawah Akta 400 ini adalah sama dan ianya tidak terkesan dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengawal selia aktiviti pinjaman sektor perbankan. Pemberian pinjaman di bawah Akta 400 juga adalah untuk tempoh yang singkat dan caj faedah diambil berdasarkan tempoh pinjaman yang dibuat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, KPKT memandang serius berhubung isu kadar faedah pinjaman yang dikenakan oleh syarikat KK kepada peminjam dan mengambil langkah

SOALAN NO : 19

proaktif melaksanakan pemantauan berkala ke atas premis syarikat KK dengan sasaran sebanyak 850 buah premis KK berlesen setiap tahun bagi memastikan pematuhan syarikat terhadap Akta 400. Bagi kesalahan syarikat KK yang mengenakan kadar faedah melebihi had yang dibenarkan, syarikat tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali selaras dengan peruntukan Seksyen 17A, Akta 400.

Untuk makluman, kerjasama KPKT bersama pihak BNM pada masa ini adalah khusus bagi memastikan sektor PPW di negara ini tidak menyalahi peruntukan di dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613]. Selain daripada kerjasama berkaitan Akta 613, KPKT turut bekerjasama dengan BNM dalam usaha penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Kredit Pengguna yang diterajui oleh Kementerian Kewangan.

Dalam hal ini, KPKT telah disenaraikan sebagai salah satu Pihak Berkuasa Pengawalseliaan dan Penyeliaan khususnya bagi kawal selia aktiviti pembiayaan dan pajak gadai berasaskan syariah. Melalui pelaksanaan Akta Kredit Pengguna ini kelak, ia akan memberi lebih perlindungan terhadap kepentingan peminjam dan pemajak termasuk dari segi kehilangan keupayaan untuk membayar balik pinjaman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah peraturan-peraturan bagi pihak penganjur untuk menganjurkan konsert terutamanya melibatkan artis antarabangsa di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku sewaktu penganjuran konsert itu berlangsung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) adalah merupakan pusat setempat yang menerima dan memproses permohonan kemasukan ke Malaysia oleh artis luar negara dan kru asing yang terlibat dalam sesuatu persembahan di Malaysia (kecuali Sabah dan Sarawak yang tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri). Terdapat sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada daripada 16 kementerian/jabatan/agensi Kerajaan dan diurusetiaikan oleh Unit PUSPAL di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD).

Setiap permohonan yang dikemukakan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada Garis Panduan PUSPAL (GPP) yang menjelaskan dasar Kerajaan berhubung penggambaran filem asing dan persembahan artis luar negara, tatacara permohonan dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi termasuk kod etika persembahan dan penggambaran filem asing. Selain itu, penganjur perlu mendapatkan kebenaran/kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) di lokasi konsert akan diadakan. Ini adalah kerana penganjuran sesuatu konsert sama ada melibatkan artis luar atau dalam negara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui PBT berkaitan.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku sewaktu penganjuran konsert berlangsung adalah dengan mengadakan pemantauan secara bersasar yang dilaksanakan oleh pasukan pemantau secara bersama dengan pelbagai pasukan penguatkuasaan termasuklah PBT. Selain daripada tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan PBT terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, PUSPAL boleh mengambil tindakan secara pentadbiran untuk memanggil penganjur untuk hadir memberikan penjelasan, memberikan amaran dan menyenarai hitam penganjur, bergantung kepada merit kesalahan yang dilakukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang sedang diambil oleh Kementerian dalam menggalakkan pembudayaan kitar semula bahan pembuangan khususnya kepada penduduk luar bandar selaras dengan pembentukan Majlis Ekonomi Kitaran Kebangsaan (National Circular Economy Council).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah mensasarkan Kadar Kitar Semula Kebangsaan sebanyak 40% menjelang tahun 2025. Penentuan Kadar Kitar Semula Kebangsaan ini telah dibuat sejak tahun 2018 dan diteruskan pada setiap tahun sehingga kini. Terdapat lima (5) kategori utama sisa kitar semula yang diambil kira iaitu plastik, logam, kertas, kaca dan lain-lain contohnya fabrik dan getah.

Kadar Kitar Semula Kebangsaan menunjukkan *trend* peningkatan saban tahun. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penduduk Malaysia sama ada di bandar atau luar bandar sudah semakin cakna dan giat mengamalkan kitar semula dalam kehidupan harian mereka. Bagi memastikan kelangsungan aktiviti kitar semula ini dilaksanakan oleh masyarakat, KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan pelbagai program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) di pelbagai peringkat komuniti merangkumi masyarakat luar bandar seperti berikut:

- a) penyampaian pendidikan dan kesedaran awam melalui modul pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah, modul latihan kitar semula ko-kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah, kempen kesedaran kepada masyarakat di bandar dan luar bandar;
- b) meneruskan program-program berimpak tinggi seperti Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah (PerKISS), Pertandingan Reka Bentuk *From Waste To Wealth Innovation* Tahun 2023 (WAWI), Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran, Program *World Cleanup Day* dan Sambutan Hari Kitar Semula;
- c) melaksanakan Program Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi menyediakan platform

SOALAN NO : 21

kepada penduduk di PPR dikenakan untuk menjual barangan kitar semula mereka dan mendapat ganjaran sama ada dalam bentuk wang tunai atau menukarkannya dengan barangan keperluan harian; dan

- d) mempergiatkan usaha menambahkan bilangan kemudahan kitar semula di kawasan perumahan, komersial dan institusi. Sehingga kini, sebanyak 5,805 kemudahan kitar semula telah dikenal pasti di tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]. Di samping itu juga, terdapat pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Tzu Chi Foundation Malaysia, Community Recycle for Charity (CRC), Yellow Bin dan lain-lain agensi yang turut sama membantu pihak Kerajaan dalam penyediaan kemudahan kitar semula ini.

KPKT melalui pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran dalam Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia juga telah memberikan penekanan kepada aspek kitar semula bagi semua jenis sisa pepejal. Antara inisiatif ekonomi kitaran yang dapat memberikan manfaat kepada penduduk luar bandar adalah melalui pembangunan kemudahan kitar semula yang dilaksanakan secara tanggungjawab bersama (*shared responsibility*) dengan pihak pemaju. Dokumen ini kelak akan menjadi rujukan semua pihak berkepentingan bagi meningkatkan pembudayaan kitar semula dalam ekosistem pengurusan sisa pepejal di Malaysia.

Melalui Majlis Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal (NCEC), adalah menjadi harapan KPKT supaya semua pihak berkepentingan bersama-sama menggembeng usaha untuk memperhebatkan perancangan dasar, pelan tindakan dan inisiatif kitar semula pada fasa pasca 2025. Ini adalah penting kerana aspek kitar semula sangat signifikan dalam memacu pelaksanaan ekonomi kitaran bagi pengurusan sisa pepejal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD**
[JERLUN]
TARIKH : **15 NOVEMBER 2023 (RABU)**

SOALAN

YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan ahli waris pihak yang terlibat dalam kes bunuh sebagai salah seorang anggota Lembaga Pengampunan sepertimana yang termaktub dalam Perkara 42(5) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Perkara berkaitan Lembaga Pengampunan adalah termaktub di bawah Perkara 42, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Raja atau Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa untuk memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum dengan nasihat Lembaga Pengampunan. Di peringkat Persekutuan kuasa Yang di-Pertuan Agong adalah bagi kesemua kes dan kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

2. Dalam konteks Persekutuan, Perkara 42 Klausula 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Lembaga Pengampunan adalah terdiri dari seorang Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan, Peguam Negara atau wakilnya serta tidak lebih dari tiga (3) orang lain yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Tuanku yang hendaklah bukan seorang anggota badan perundangan (Legislatif).

3. Keanggotaan Lembaga Pengampunan itu sendiri adalah mekanisme terbaik bagi memastikan ia berfungsi dengan adil dan bebas kerana kedudukan Seri Paduka Baginda Tuanku yang mempengerusikan Lembaga Pengampunan adalah Ketua Negara yang bebas dan berkecuali dari sebarang pengaruh, serta anggota Lembaga Pengampunan yang terdiri dari pelbagai latar belakang dilantik oleh Yang Di Pertuan Agung juga dapat memastikan perjalanannya tidak dipengaruhi atau terpengaruh dengan campur tangan dari mana-mana pihak.

4. Buat masa ini, tiada ada-apa peruntukan undang-undang yang menghendaki Lembaga Pengampunan untuk merujuk ahli keluarga mangsa bagi memperoleh keizinan untuk memberikan pengampunan sebelum keputusan ditetapkan. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agung mempunyai kuasa budi bicara berkenaan dengan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada Kerajaan Palestin sejak awal pentadbiran bagi membantu mengurangkan bebanan yang dihadapi rakyat Palestin.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selaras dengan dasar luar negeri kita di mana perjuangan Palestin merupakan salah satu teras utama, Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Palestin dan rakyatnya dalam apa jua keadaan. Sokongan tidak berbelah bahagi Malaysia amat jelas dapat dilihat meliputi semua aspek baik dari segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kewangan, mahu pun pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

3. Sumbangan dan bantuan daripada Kerajaan Malaysia ini disalurkan dengan pelbagai cara sama ada secara dua hala, serantau atau pelbagai hala. Alhamdulillah, setakat ini bantuan kita ini membantu saudara di Palestin secara berterusan.

4. Selain bantuan Kerajaan, kita juga turut membantu menyalurkan sumbangan kemanusiaan melalui dana yang dikumpul daripada sumbangan awam. Ia dilaksanakan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) yang dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri. Sejak tahun 2002, Wisma Putra mengendalikan Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

5. Akaun ini ditubuhkan dengan tujuan khusus untuk mengumpulkan serta menyelaraskan segala sumbangan kemanusiaan rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin dan seterusnya menyalurkan semua sumbangan tersebut melalui kaedah-kaedah yang difikirkan bersesuaian oleh Kementerian Luar Negeri.

SOALAN NO : 23

6. Melalui AAKRP, pada separuh pertama tahun 2023, sebanyak USD80,000.00 telah disalurkan dalam dua saluran berbeza, melalui Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Jordan, dan Kedutaan Besar Malaysia di Jordan serta Kementerian Pendidikan Palestin, manakala sebanyak RM200,000 diserahkan kepada NGO *Global Peace Mission* untuk pembangunan di Gaza, Palestin.

7. Namun, apabila konflik Israel-Palestin meletus semula pada 7 Oktober yang lalu, Malaysia menggandakan saluran bantuan melalui AAKRP. Jawatankuasa Akaun AAKRP dalam mesyuarat Bil. 2 Tahun 2023 telah memutuskan sumbangan awal sebanyak RM10 juta kepada Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian Palestin (UNRWA) bagi membantu rakyat Gaza yang terkesan teruk akibat serangan Israel.

8. Untuk makluman, setakat 13 November 2023, sejumlah RM32,755,857.08 telah dikreditkan ke AAKRP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian dan usaha pihak Kementerian ke atas penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) yang mempunyai kemampuan untuk berpindah (47% berdasarkan kajian PPR oleh Khazanah Research Institute Mei 2023) menamatkan penyewaan dan memberi peluang kepada individu lain yang lebih memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Kesejahteraan Kediaman Golongan Miskin Bandar – Kajian Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibuat oleh Khazanah Research Institute (KRI) daripada 47% penduduk yang mampu berpindah, hanya purata 7.3% yang menyatakan akan meninggalkan PPR dan 44.7% hanya akan berpindah sekiranya terdapat lokasi dan ciri-ciri unit yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Sehubungan itu, bagi memastikan pengekalan stok PPR hanya terhad kepada golongan yang memerlukan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menjalankan kajian bagi menggubal Dasar Perumahan Negara 3.0 (DRN 3.0) dan memberi penekanan terhadap:

- (i) memperkenalkan *Exit Policy* (Dasar Pemisah) supaya unit kediaman (bersubsidi) hendaklah dihuni oleh penyewa berkelayakan sahaja; dan
- (ii) meneliti skim perumahan yang dapat memudahkan peralihan daripada perumahan awam kepada pasaran terbuka termasuk insentif bagi meringankan beban tanggungan seperti baucar sewaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN
BIN HAJI ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang dilaksana oleh pihak Kementerian dalam memastikan tiada penyalahgunaan minyak masak bersubsidi serta bagaimana Kementerian mengekang masalah penjualan minyak masak bersubsidi ini kepada warga asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa melaksanakan pemantauan keberadaan **minyak masak** di seluruh Negara melibatkan pelbagai peringkat termasuklah di peringkat peruncit, pemborong dan pembungkus minyak masak bersubsidi serta pengilang.

Bermula 1 Januari 2023, KPDN telah mewajibkan penggunaan Sistem eCOSS kepada seluruh rangkaian bekalan minyak masak paket bersubsidi. Sistem ini merekodkan transaksi seperti kuantiti dan harga jualan di setiap peringkat rangkaian iaitu daripada kilang penapisan, syarikat pembungkusan, pemborong dan peruncit. Oleh yang demikian, tindakan tegas termasuk membuat sekatan ke atas syarikat di dalam sistem eCOSS akan diambil sekiranya didapati ada pihak yang cuba mengambil kesempatan untuk menyorok bekalan minyak masak paket bersubsidi.

KPDN juga telah mengeluarkan Arahan Pengawal berhubung kawalan penjualan minyak masak bungkus polibeg 1 kilogram dihadkan sebanyak tiga (3) unit per transaksi sehari sekali pembelian untuk setiap pelanggan. Tindakan kawalan ini sebagai langkah untuk memastikan lebih ramai pengguna berpeluang memperolehi bekalan minyak masak paket 1 kilogram. Arahan kepada peruncit ini terpakai kepada semua pihak sama ada pengguna atau industri.

Disamping itu, pada tahun 2022 KPDN telah menguatkuasakan larangan eksport minyak masak tulen polibeg bagi mengekang ketirisan minyak masak bersubsidi di sempadan negara.

Pelaksanaan penguatkuasaan Permit Barang Kawalan Berjadual adalah merupakan salah satu cara mengekang penyelewengan minyak masak bersubsidi. Sekiranya mana-mana orang yang menjalankan perniagaan atau perdagangan, menggunakan atau mengambil serta dalam milikannya melebihi 12 kg minyak masak perlu memohon kebenaran Pengawal Bekalan melalui Permit ini. Kawalan ini bagi memastikan hanya pihak yang dibenarkan sahaja boleh menyimpan minyak masak dengan kadar yang dimohon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan Rang Undang-undang Dana Politik serta sejauh mana semakan diadakan terhadap akta-akta lain yang berkaitan seperti Akta SPRM 2009 bagi mengawal selia pendanaan parti politik dalam negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik ("RUU tersebut") membabitkan isu pendanaan politik yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk parti-parti politik dan Ahli-Ahli Parlimen, Kerajaan telah bersetuju agar skop dasar RUU tersebut hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Dewan Rakyat ("JKPK") di mana komposisinya merentasi parti politik. Tujuan rujukan berkenaan adalah agar JKPK dapat membuat penelitian ke atas skop dasar RUU tersebut dan memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Perpaduan.
2. Sehubungan itu, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah merujuk skop dasar RUU tersebut kepada JKPK melalui surat bertarikh 13 September 2023 kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, status RUU tersebut pada masa ini adalah skop dasarnya berada dalam penelitian JKPK.
3. Dalam menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat berhubung semakan terhadap akta-akta lain yang berkaitan untuk mengawal selia pendanaan politik pula, berdasarkan semakan terhadap perundangan sedia ada, tiada undang-undang atau peraturan yang mengawal selia pendanaan politik di Malaysia. Oleh itu, terdapat keperluan untuk RUU tersebut diwujudkan bagi tujuan mengawal selia pendanaan politik di negara ini.
4. Selaras dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Perpaduan mendukung aspirasi Malaysia MADANI, pewujudan RUU tersebut dapat meningkatkan keyakinan rakyat bahawa tadbir urus dalam kalangan ahli politik dan Anggota Pentadbiran diamalkan berteraskan

prinsip ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Selain itu, inisiatif ini juga membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam melaksanakan agenda reformasi yang berterusan serta memantapkan integriti dan tata kelola yang baik demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

5. Adalah diharapkan agar sumbangan politik dalam apa jua bentuk tidak dijadikan medium penyalahgunaan kuasa dalam kalangan ahli dan parti politik yang boleh menjejaskan imej negara dan usaha Kerajaan Perpaduan memperkasakan pencegahan dan intervensi menerusi penyuburan aspek ihsan dalam masyarakat MADANI. Berdepan dengan dunia kini yang penuh dengan kerumitan, percanggahan, kekacauan dan keserentakan, maka kefahaman, penghayatan, pengamalan ihsan perlu diberikan keutamaan agar perkara menjatuhkan peradaban sesebuah masyarakat seperti rasuah mampu dielakkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta MENTERI
PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) undang-undang yang boleh diambil bagi mengatasi masalah kereta terbiar dan sekiranya tiada, adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menggubal sebarang undang-undang bagi mengatasi masalah ini; dan
- (b) berapa jumlah kereta terbiar yang telah dilupuskan oleh kerajaan tempatan di seluruh Malaysia setakat tahun 2023.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Pekeliling Ketua Setiausaha (KSU) KPKT Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 13 Februari 2020. Garis panduan ini bertujuan untuk mencapai pengurusan dan penguatkuasaan kenderaan terbiar yang lebih efisien dengan proses yang seragam oleh PBT agar lebih berkesan memendekkan tempoh masa pengurusan serta memperincikan tatacara tindakan bermula daripada peringkat pengeluaran notis pengalihan sehingga ke peringkat pelupusan kenderaan terbiar.

Garis panduan ini telah dibangunkan secara kerjasama dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan PBT serta sedang dalam peringkat penambahbaikan dari aspek penguatkuasaan dan pelucutan hak yang mengambil kira segala aspek penting agar kaedah pelupusan dilaksanakan berlandaskan undang-undang sedia ada.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, jumlah kenderaan terbiar yang telah dilupuskan oleh PBT berdasarkan garis panduan ini bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	PELUPUSAN KENDERAAN TERBIAR
2023	9,101
2022	2,421
2021	2,189

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL (AMPANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang cadangan untuk memindahkan hal-ehwal pembangunan Kampung-Kampung Tradisi dan Baru/Bagan (Cina) tersusun dalam bandar terutama di negeri-negeri maju seperti Selangor dan Pulau Pinang ke bawah jurisdiksi KPKT, dilihat lebih sesuai untuk menyelesaikan pelbagai isu infrastruktur dan bukan infrastruktur mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pengurusan tadbir urus dan kawal selia pembangunan kampung-kampung tradisi masih tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan buat masa ini tiada cadangan untuk memindahkan hal-ehwal pembangunan kampung-kampung tradisi di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sebagai sebuah Kementerian yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat, KPKT menyalurkan bantuan peruntukan pembangunan projek kecil BP.1 kepada PBT untuk menjayakan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang berbentuk *people-centric* bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat, menambah baik kemudahan dan infrastruktur awam ke arah memastikan kemudahan perbandaran mencukupi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk setempat.

KPKT juga menyalurkan peruntukan pembangunan bagi 613 buah Kampung Baru Cina sedia ada di seluruh negara untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur asas, selaras dengan perkembangan dan pembangunan perbandaran masa kini untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat secara seimbang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan peningkatan harga barangan dan juga gangguan dalam rantai bekalan membabitkan beberapa jenis barang keperluan seperti minyak masak, telur ayam dan beras yang pernah dihadapi negara meresahkan pengguna. Apakah jaminan dan langkah Kementerian menangani situasi ini di masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memahami serta cakna akan kesan kenaikan harga barang kepada rakyat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah. Purata perubahan harga sesuatu barangan dan perkhidmatan diukur melalui kadar inflasi negara di dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). Pada 22 September 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan kadar inflasi bagi bulan Ogos 2023 iaitu 2.0 peratus, berkadaran sama seperti pada bulan Julai 2023.

Kadar inflasi yang semakin mereda ini menggambarkan kadar peningkatan harga barang dan perkhidmatan yang lebih perlahan. Ianya dapat dilihat melalui mata indeks IHP pada Ogos 2023 yang meningkat kepada 130.8, berbanding 128.2 yang direkodkan pada Ogos 2022. Walaupun masih terdapat kenaikan harga, usaha Kerajaan telah berjaya mengekang kenaikan harga yang melampau.

Kerajaan menyedari realiti pendapatan dan perbelanjaan rakyat ini seperti diakui Perdana Menteri sendiri apabila mengumumkan Kementerian Ekonomi menerajui pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) dan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan layak yang dijangka siap akhir tahun ini.

Pelaksanaan sistem PADU dijangka akan bersifat dinamik dengan mengambil kira perubahan pendapatan isi rumah serta jumlah tanggungan, termasuk dari aspek kesihatan dan pendidikan anak serta kehidupan berkualiti, ianya dijangka bukan sahaja dapat memberikan keadilan kepada semua segmen masyarakat, bahkan boleh menepis rungutan mana-mana kelompok yang rasa 'terpinggir' daripada mendapat bantuan atau insentif selayaknya. Sistem menggabungkan maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah di negara ini dalam menentukan pendapatan boleh belanja keluarga supaya pelaksanaan yang dijangka bermula pada tahun depan itu mencapai objektif disasarkan secara optimum, sekali gus dipastikan tiada keciciran yang menjejaskan keberkesanannya.

Penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi memastikan tiada kes sorok barang keperluan. Ini juga meliputi pambanterasan kes penyeludupan dan kes penjualan bersyarat.

Keutamaan kerajaan sekarang ialah keterjaminan bekalan atau *food security* yang diyakini dapat mempengaruhi harga barangan di pasaran. Yang kita utamakan ialah harga patut dan seimbang yang membolehkan pengeluar dan pengusaha memproduksi dan memasarkan barangan di pasaran secara konsisten dan pengguna dapat membelinya bila diperlukan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah perniagaan dalam talian seperti TikTok Shop memberi kesan terhadap perniagaan yang memiliki premis memandangkan Kerajaan Indonesia sedang mempertimbangkan untuk melarang ciri TikTok Shop daripada beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor perdagangan atas talian (e-dagang) adalah merupakan salah satu sektor yang sedang berkembang pesat pada masa ini. Sektor ini berkembang dengan sangat dinamik dengan pertumbuhan platform atas talian yang memberikan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan dengan lebih mudah dan pantas.

Peralihan daripada perdagangan secara konvensional di premis-premis fizikal kepada perdagangan secara atas talian telah memberikan pelbagai kesan kepada pengguna mahupun peniaga termasuklah kesan-kesan positif seperti penjimatan masa dan kos, peningkatan capaian pasaran di dalam dan luar negara serta pengurusan kewangan, stok dan inventori yang lebih berkesan. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama, perdagangan atas talian juga turut memberi **cabaran dan kesan negatif kepada pengguna dan peniaga** termasuklah penipuan atas talian, pencerobohan data peribadi, terma kontrak yang tidak adil serta monopoli pasaran.

Selain itu, pasar atas talian seperti di Tiktok turut menimbulkan **persaingan yang tidak seimbang dengan perniagaan di premis fizikal** akibat tawaran harga barangan dan perkhidmatan yang amat rendah berbanding di premis fizikal menyebabkan **pengurangan nilai jualan di premis fizikal berbanding di pasar atas talian**.

Bagi memastikan pertumbuhan sektor e-dagang dapat terus berkembang dengan pesat dan pada masa yang sama dapat melindungi hak-hak pengguna yang menjalankan transaksi atas talian, Kementerian sentiasa memastikan dasar, peraturan dan undang-undang berkaitan e-dagang sentiasa bersesuaian dengan keperluan semasa. Antara perundangan sedia ada bagi mengawal selia perdagangan atas talian adalah Akta Perdagangan Elektronik 2006 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012.

Pada masa yang sama, Kementerian juga sedang melaksanakan kajian bagi menambahbaik mekanisma kawal selia sedia ada melalui beberapa **sesi libat urus** bersama wakil-wakil industri dan persatuan pengguna. Kementerian juga melaksanakan **kajian perbandingan mengenai amalan terbaik** di peringkat antarabangsa bagi mengemaskini perundangan sedia ada dalam memastikan kawal selia sektor e-dagang yang lebih mampan dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

minta minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) tindakan bagi menyelesaikan masalah kuarters Kerajaan di seluruh Malaysia yang terbiar dan usang; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat memanfaatkan kuarters itu kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain atau membuka untuk disewa agar rakyat juga dapat memanfaatkan dan mengelakkan pembaziran.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengurusan kuarters Kerajaan kini dilaksanakan di pelbagai Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan mengikut perancangan berdasarkan keperluan agensi masing-masing.

2. Oleh yang demikian bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan berhubung tindakan bagi menyelesaikan masalah kuarters Kerajaan terbiar ini, ianya perlu dirujuk terus kepada Kementerian yang menguruskan mana-mana kuarters yang dilihat terbiar dan usang tersebut.
3. Ini kerana, Kerajaan telah menetapkan dasar ataupun peraturan kuarters melalui **Perintah Am Bab E Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan 1974**, yang memberikan kuasa kepada Pegawai Perumahan di peringkat Kementerian masing-masing untuk menetapkan peraturan berkaitan kegunaan kuarters yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi tersebut.
4. Bagi kuarters gunasama Kerajaan Persekutuan di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri pula, tiada istilah kuarters terbiar dan usang kerana jumlah permintaan yang tinggi bagi unit-unit kuarters Gunasama Kerajaan Persekutuan. Namun, terdapat sesetengah unit-unit kuarters yang kosong yang memerlukan proses pembaikan samada ianya melibatkan pembaikan "*minor*" atau "*major*" sebelum ditawarkan semula kepada penjawat awam yang memohon.
5. Bagi unit-unit kuarters kosong yang mengalami kerosakan "*major*" seperti keretakan serius, masalah kebocoran dan masalah perpaipan yang serius, ianya memerlukan pemeriksaan yang lebih terperinci oleh pihak agensi teknikal yang memerlukan tempoh pembaikan lebih lama iaitu maksimum sehingga 365 hari. Atas faktor inilah kadang-kadang ianya dilihat oleh sesetengah pihak sebagai kuarters yang dibiarkan dan tidak diselenggara.
6. Mengambil perhatian berhubung isu ini, Kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah memendekkan tempoh kerja pembaikan kuarters kosong melibatkan pengemaskinian bagi proses pemeriksaan unit, pelantikan kontraktor, kerja pembaikan dan serahan kunci agar ianya tidak ditafsirkan sebagai unit usang dan terbiar.

7. Bagi isu memanfaatkan kuarters kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain atau membuka untuk disewa adalah tertakluk kepada perancangan di peringkat Kementerian dan agensi masing-masing. Kerajaan memberikan kuasa kepada setiap Kementerian untuk menyediakan pelan tindakan khusus masing-masing dalam membuat perancangan bagi mengoptimumkan penggunaan kuarters-kuarters yang tidak didiami melalui pelbagai pendekatan masing-masing.

8. Antara pendekatan tersebut termasuklah kaedah penyewaan kepada agensi kerajaan dan swasta untuk pelbagai kegunaan serta kerjasama di antara kementerian bagi membenarkan kakitangan daripada pelbagai kementerian untuk menduduki kuarters di bawah seliaan sesebuah Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini penyediaan Dasar Industri Pertahanan Negara yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sedang memuktamadkan draf akhir Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) berpandukan kepada dasar dan perkembangan semasa industri bagi memastikan kandungannya kekal relevan sepanjang tempoh pelaksanaannya kelak serta berupaya membawa impak yang besar kepada pihak berkepentingan terutamanya pemain industri. DIPKN adalah inisiatif susulan kepada Kertas Putih Pertahanan (KPP), dan Kementerian Pertahanan sentiasa komited dalam memastikan semua inisiatif KPP dilaksanakan sebaik mungkin mengikut perancangan.

2. Namun begitu, industri pertahanan dan keselamatan adalah sektor yang sangat dinamis, yang dilihat melalui perubahan yang cepat dalam teknologi, ekosistem, kaedah perolehan serta pelaksanaan projek terbaru. Selain itu, pelancaran *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP2030) oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) juga telah membawa senario baharu kepada proses pembangunan industri pertahanan negara.

3. Objektif industri pertahanan dan keselamatan bukan hanya terhad bagi menyokong keupayaan kesiagaan pertahanan dan keselamatan negara sahaja, malahan sektor ini perlu juga peka dengan perkembangan terkini dalam sektor komersial seperti kemajuan dalam teknologi hijau, penekanan prinsip-prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance* - ESG) serta kecerdasan buatan (*artificial intelligence* - AI). Elemen-elemen ini harus diintegrasikan sebaiknya oleh industri pertahanan dan keselamatan agar dapat menjadi sektor baru yang berupaya untuk mendukung pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kajian keselamatan dan kesejahteraan rakyat dengan pemasangan CCTV di tempat-tempat tumpuan khususnya di pusat bandar utama seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah memperkenalkan Program Bandar Selamat (PBS) bermula tahun 2004 yang merupakan program pencegahan jenayah untuk membantu mengurangkan kadar jenayah dan memastikan keselamatan komuniti setempat.

Salah satu langkah di bawah PBS adalah pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam. Bagi memberi panduan dalam pemasangan CCTV, KPKT melalui PLANMalaysia telah menyediakan Garis Panduan Pemasangan CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam pada tahun 2010 bagi menggantikan Garis Panduan Spesifikasi Teknikal Minimum Pemasangan Kamera Litar Tertutup di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diterbitkan pada tahun 2007.

Terkini, berdasarkan data daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), statistik jenayah indeks menurun sebanyak 292 kes (1.1%) dengan 25,482 kes dicatatkan sejak Januari hingga Jun lalu, berbanding 25,775 kes dalam tempoh sama pada tahun sebelumnya. Penurunan kes ini membuktikan Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar jenayah melalui pelbagai usaha yang telah dilaksanakan yang mana salah satunya adalah melalui pelaksanaan PBS.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) juga bertanggungjawab dalam mengawal selia projek pemasangan CCTV di kawasan PBT. PBT yang terlibat dalam kontrak pemasangan CCTV ini adalah PBT yang mempunyai kes jenayah yang tinggi. Secara umumnya, sistem CCTV yang dipasang perlu mendapat nasihat PBT yang mana ianya adalah tertakluk kepada syarat pemasangan seperti berikut:

a) bagi **pembangunan sedia ada**:

- i. setiap premis perniagaan digalakkan untuk menyediakan CCTV di premis masing-masing;
- ii. CCTV perlu dipasang di kawasan *hotspot* yang telah dikenal pasti menerusi Jawatankuasa PBS dari semasa ke semasa; dan
- iii. premis perniagaan yang mempunyai laluan pejalan kaki / kaki lima (*common area*) perlu dipasang CCTV dan pemasangan CCTV hendaklah dikongsi bersama oleh unit-unit premis perniagaan tersebut.

b) bagi **pembangunan baharu**:

- i. PBT hendaklah mengenakan syarat pemasangan CCTV pada premis dan tempat awam; dan
- ii. sistem pemasangan CCTV perlu mengambil kira pengintegrasian dengan sistem sedia ada.

Secara kesimpulannya, PBT perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta boleh merujuk kepada Garis Panduan Pemasangan CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam dalam melaksanakan pemasangan CCTV di tempat-tempat tumpuan khususnya di pusat bandar utama seluruh negara bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH (BESUT)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah perbelanjaan yang dihabiskan bagi memasang "billboard" atau papan iklan Malaysia Madani di seluruh negara sejak pembentukan Kerajaan campuran pada bulan November yang lepas sehingga sekarang.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti sedia maklum, Malaysia MADANI merupakan agenda nasional yang didokong oleh pentadbiran dan Kerajaan pada masa kini. Usaha untuk mempromosi dan menyebarkan aspirasi Malaysia MADANI ini bersifat holistik dan dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi melalui platform dan medium yang bersesuaian. Inisiatif ini wajar bagi meningkatkan penghayatan serta kefahaman rakyat terhadap aspirasi dan dasar semasa Kerajaan.

2. Kos perbelanjaan bagi pemasangan *billboard* atau papan iklan Malaysia MADANI di seluruh negara sejak pembentukan Kerajaan campuran pada bulan November yang lalu sehingga sekarang adalah sebanyak RM8.9 juta di mana peruntukan ini menggunakan peruntukan pentadbiran kerajaan terdahulu. Perbelanjaan ini adalah turut melibatkan kos percetakan, pemasangan, penyelenggaraan, penurunan dan logistik papan iklan statik, papan iklan digital, papan iklan sementara serta *banner* dan *bunting* yang dipasang di seluruh Malaysia bagi tujuan hebahan dan promosi Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pertimbangan Kementerian bagi membangunkan fasiliti sukan di daerah Tampin menerusi pembinaan padang kriket di SMK Bukit Rokan dan trek balapan di SMK Jelai, Gemas supaya dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan baharu atau naik taraf kemudahan sukan dalam kawasan sekolah adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Namun begitu, Kementerian ini bersedia untuk membincangkan perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi melibatkan Kementerian Pendidikan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan tindakan semasa dan jangka panjang yang telah dan bakal diambil bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutamanya yang melibatkan keperluan asas dan harian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tahap kenaikan harga barang dicerminkan melalui kadar inflasi negara. Kadar inflasi negara diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur purata perubahan harga sesuatu barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu. Pada 22 September 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan kadar inflasi terkini iaitu 2.0 peratus bagi bulan Ogos 2023, berkadaran sama seperti pada bulan Julai 2023.

Kadar inflasi dilihat semakin mereda menggambarkan kadar peningkatan harga barang dan perkhidmatan yang lebih perlahan. Ianya juga dapat dilihat melalui mata indeks IHP pada Ogos 2023 yang meningkat kepada 130.8, berbanding 128.2 yang direkodkan pada Ogos 2022. Walaupun masih terdapat kenaikan harga, usaha Kerajaan telah berjaya mengekang kenaikan harga yang melampau.

Di samping itu, adalah menjadi komitmen berterusan Kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup. Langkah-langkah semasa yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah:

(a) INISIATIF PAYUNG RAHMAH:

(i) **Menu RAHMAH:** Pelaksanaan inisiatif ini secara tidak langsung telah membantu dalam meredakan inflasi bagi kumpulan Makanan di luar rumah daripada terus meningkat lebih tinggi. Sehingga **31 Ogos 2023**, sebanyak **2,849 restoran dan kedai makan** secara sukarela telah sama-sama berganding bahu dalam *Private Driven Initiative* ini menawarkan Menu Rahmah yang merupakan hidangan makanan seimbang mengandungi protein, serat sayur-sayuran dan karbohidrat yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah. **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** telah menawarkan **Menu Rahmah Siswa** di semua IPTA pada harga RM3.50 setiap hidangan dan sebanyak **28 R&R dan 11 Laybys** turut menawarkan menu Rahmah di hampir semua lebuhraya termasuk lebuhraya LPT.

(ii) **Bakul RAHMAH:** Setakat **31 Ogos 2023**, sebanyak **91,682** Bakul RAHMAH diedarkan ke seluruh negara (CSR mengikut korporat).

(iii) **Jualan RAHMAH:** 33 pasar raya besar, kedai berangkai dan pengeluar mengambil bahagian dan telah dilaksanakan di 1,945 lokasi kawasan penempatan atau kawasan tumpuan B40.

Jualan Rahmah juga turut menawarkan Beras Putih Import (BPI) dengan harga yang lebih rendah. Harga yang ditawarkan tidak melebihi RM15.00 bagi 5 kilogram dan tidak melebihi RM30.00 bagi 10 kilogram. Sejumlah RM34 juta diperuntukkan bagi menawarkan 2.88 juta kampakit beras sehingga Disember 2023.

Ini adalah sebahagian daripada intervensi tambahan untuk meningkatkan bekalan BPI seperti yang diumumkan oleh Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 2 Oktober 2023. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan bertindak sebagai agensi pengedar Beras Putih Tempatan (BPT) terutama bagi kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Harga BPI di Sabah dan Sarawak juga akan ditanggung oleh Kerajaan mulai 5 Oktober 2023 bagi membolehkan BPI diperolehi dengan harga runcit RM31 bagi setiap 10kg.

(iv) **Pakej RAHMAH:** Berkembang secara sendiri dan tidak bergantung semata-mata kepada pelaksanaan Jualan RAHMAH (Hotel RAHMAH, Auto RAHMAH, Insuran dan Takaful RAHMAH dan sebagainya). Pakej 5G RAHMAH turut dilaksanakan dengan tawaran telefon pintar 5G dan pelan data kepada seluruh rakyat Malaysia berkuat kuasa 31 Ogos 2023 di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Digital.

(v) **Simen RAHMAH** melalui kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) yang menawarkan satu juta tan metrik simen pukal dengan penurunan harga RM120 setan metrik kepada RM290 untuk pemaju rumah mampu milik swasta di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

(KPKT) dalam usaha menurunkan harga jualan rumah. Memberi manfaat kepada isi rumah berpendapatan rendah untuk memiliki rumah di bawah RM300,000.

Inisiatif Payung RAHMAH terus berkembang mengikut keperluan semasa antaranya:

(i) **Bazar Ramadan RAHMAH:** Semasa Bulan Ramadan, Bazar Ramadhan RAHMAH telah diadakan di seluruh negara di mana 30% dari gerai di Bazar Ramadan menawarkan Menu RAHMAH dengan hidangan berbuka puasa yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah. Inisiatif ini juga telah dapat meringan beban rakyat sekali gus meningkatkan kuasa beli pengguna.

(ii) **Kad Insentif Menu RAHMAH:** Pengenalan Kad Insentif Menu RAHMAH yang dilaksanakan melalui kerjasama beberapa pasaraya utama.

(iii) **Jualan RAHMAH Bergerak:** Dilaksanakan melalui kerjasama beberapa pemain utama seperti MyGrocer dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

(b) HARGA KAWALAN BARANG BERSUBSIDI DAN TIDAK BERSUBSIDI

(i) Kerajaan turut melaksanakan harga maksimum beberapa barangan keperluan utama seperti RON95, Diesel Bersubsidi, LPG kegunaan domestik, gula pasir putih, tepung gandum kegunaan am, minyak masak bersubsidi polibeg 1kg, minyak kemasan botol dan beberapa lagi barang keperluan lain. Harga RON97 telah stabil sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih walaupun harga itu ditentukan berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) pada setiap minggu.

(c) HARGA KAWALAN MAKSIMUM AYAM DAN TELUR GRED A,B,C

(i) Kementerian meneruskan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam dengan menetapkan harga maksimum Ayam Standard pada RM9.40/ sekilo dan Telur Ayam Gred A, B dan C yang telah berjalan sejak setahun yang lalu bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua komoditi penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini.

(d) HARGA KAWALAN SILING BERGERAK MINYAK MASAK BOTOL

(i) Penetapan harga siling bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg;

(e) PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA (PPH)

(i) Program ini memastikan tujuh (7) barangan keperluan asas (beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 & diesel) sampai kepada rakyat di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah, dan Sarawak dengan harga terkawal yang sama sebagai kawasan bandar. Melalui program ini, Kerajaan memberi subsidi kepada syarikat pengangkutan supaya semua orang dapat menikmati pembelian barangan ini pada harga yang sama.

(f) PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS MIKRO DAN FRANCAIS MAMPU MILIK

(i) Program ini merupaakan satu program utama dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais.

Berdasarkan statistik rasmi mengenai IHP dan program yang telah dijalankan adalah jelas bahawa Kerajaan telah melaksanakan usaha untuk mengawal kenaikan harga barangan yang berkesan. Dari semasa ke semasa Kerajaan akan mengumumkan dan menghebahkan program bantuan tambahan bagi membantu golongan terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)**

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan dalam menangani masalah pengguna terpaksa membeli gula mahal yang merujuk kepada keadaan di mana para pengguna terpaksa membeli gula premium yang harganya tidak dikawal. Mohon perjelaskan sama ada pengeluaran 42,000 tan metrik sebulan gula biasa mencukupi untuk pasaran runcit.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bekalan gula pasir putih bertapis (kasar dan halus) mencukupi dan tidak terjejas dengan pengeluaran Gula Jernih ini, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) telah diarahkan melalui Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peruntukan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 supaya memastikan jumlah minimum pengeluaran dan pengedaran gula pasir putih bertapis (kasar dan halus) tersebut hendaklah sebanyak 42,000 MT sebulan. Daripada jumlah tersebut, berdasarkan kapasiti kilang masing-masing, MSM perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 24,000 MT dan CSR 18,000 MT bagi menampung keperluan rakyat termasuk penjaja dan peniaga kecil.

KPDN memantau rapi pengeluaran dan pengedaran ini dengan memantau bekalan melalui Arahan Pengawal dimana kilang, pemborong utama dan peruncit (*modern trade*; yang mendapat bekalan terus dari kilang) untuk mengemukakan laporan.

Untuk memastikan isu kekurangan gula dapat ditangani segera, KPDN telah melancarkan OP MANIS yang bermula pada 3 Mei 2023 sehingga 2 Jun 2023 dan seterusnya disambung OP MANIS 2.0. Di bawah Ops Manis 2.0, sehingga 4 Oktober 2023, jumlah kumulatif premis yang diperiksa telah meningkat kepada 14,226 buah, aduan yang diterima sebanyak 384 dan 146 kes dihasilkan. Pecahan kes mengikut kesalahan adalah seperti berikut:

- i. Kesalahan mengenakan syarat jualan yang tidak sah - 16 kes (Seksyen 19 AKB 1961);
- ii. Kesalahan menjual melebihi harga kawalan - 11 kes (Seksyen 11 AKHAP 2011);
- iii. Kesalahan gagal meletakkan tanda harga - 14 kes (Perenggan 5 PKHCP (AKHAP 2011));
- iv. Kesalahan menjual barang kawalan tanpa lesen - 2 kes (Peraturan 3(1) PPKB 1974);

- v. Kesalahan memberi gambaran mengelirukan mengenai harga - 1 kes (Seksyen 12(1)(a) APP 1999).
- vi. Kesalahan enggan menjual barang kawalan - 1 kes (Seksyen 16A (1)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961).
- vii. Kesalahan tidak mematuhi arahan Pengawal Bekalan - 1 kes (Peraturan 21(1) PPKB 1974)

Peniaga juga dinasihatkan supaya mematuhi kebenaran yang diberikan tersebut serta tidak terlibat dengan kegiatan menyorok atau mensabotaj bekalan, mengenakan syarat pembelian dan menjual melebihi harga kawalan bagi gula. Mereka boleh dikenakan tindakan jika ingkar terhadap peraturan yang ditetapkan.

Merujuk kepada statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM,2022) dimana daripada 33.4 juta penduduk di Malaysia, terdapat 11.13 juta isi rumah di Malaysia (1 isi rumah = 3 individu). Kadar penggunaan gula bagi 1 isi rumah adalah dianggarkan sebanyak 2.6kg bagi setiap bulan. Oleh itu, kegunaan gula bagi isi rumah di Malaysia dianggarkan sebanyak 28.93 juta pek/kg iaitu hanya 60% daripada kuantiti had minimum yang telah ditetapkan. Oleh itu, harga gula terkawal atau lebih dikenali sebagai gula rakyat adalah mencukupi bagi kegunaan penduduk di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **Perdana Menteri** menyatakan usaha yang diambil bagi menyelaraskan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam bagi negeri-negeri yang sudah mewartakan undang-undang tersebut.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada badan perundangan negeri dan parlimen untuk membuat undang-undang bagi mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam. Undang-undang ini mempunyai peranan yang amat penting untuk memelihara dan mempertahankan kesucian agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan bagi memastikan akidah umat Islam sentiasa terpelihara.

2. Berdasarkan Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, sepuluh (10) buah negeri telah menggubal Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam (“Enakmen Kawalan dan Sekatan”) kecuali Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan.

3. Secara umumnya, Enakmen Kawalan dan Sekatan di Negeri-Negeri memperuntukkan, antara lain, mengenai kesalahan-kesalahan, pelantikan pegawai diberi kuasa atau pegawai bertauliah, kuasa bagi penyiasatan, kuasa untuk menghendaki saksi-saksi hadir, pemeriksaan saksi-saksi dan pengendalian pendakwaan.

4. Walau bagaimanapun, didapati bahawa terdapat beberapa perbezaan peruntukan dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan tersebut daripada beberapa aspek antaranya mengenai pelantikan pegawai bertauliah atau pegawai diberi kuasa, kuasa menangkap tanpa waran, bantuan polis untuk menangkap tanpa waran dan perkataan-perkataan atau perbahasaan-perbahasaan yang terkandung dalam Enakmen tersebut.

5. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyelaraskan peruntukan dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan ini. Bagi maksud tersebut, cadangan Rang Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Doktrin atau Kepercayaan Agama dalam Kalangan Orang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) telah pun dibentangkan kepada Negeri-Negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil Kali Ke-27 pada 11 hingga 12 Oktober 2021 bagi tujuan penyelarasan, penyeragaman dan dijadikan sebagai model untuk diguna pakai secara seragam oleh Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 15 NOV 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta Perdana Menteri menyatakan PM10 telah menjadikan Sri Perdana sebagai Pusat Kegiatan Dakwah dan Kebajikan Rakyat. Adakah pihak JAKIM telah membuat kajian impak atas langkah tersebut dan sejauh mana langkah ini memberi kesan serta apakah langkah untuk mengimarahkan program ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri dalam Majlis Pertemuan Mahabbah Bersama Ulamak dan Asatizah di Kompleks Seri Perdana pada 11 Disember 2022 berhasrat menjadikan kediaman rasminya sebagai pusat majlis ilmu yang diadakan secara berkala dengan penyertaan dari para ulama, cendekiawan, akademik, pegawai kerajaan dan orang awam.

2. Pengisian majlis ilmu yang diadakan di Kompleks Seri Perdana ini melibatkan jemputan para ilmuwan dari dalam dan luar negara untuk berkongsi ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran bersesuaian dengan bidang ilmu dan kepakaran mereka.
3. Pelaksanaan majlis seperti ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang nilai akhlak, keharmonian dan kesederhanaan dalam masyarakat yang berbilang kaum serta berpengatahuan. Sehingga September 2023 sebanyak 11 siri majlis ilmu telah diadakan dengan kehadiran peserta diantara 250 hingga 300 orang bagi setiap siri.
4. Memandangkan program ini merupakan program baru diperkenalkan, kerajaan dalam proses memperluaskan konsep majlis ini dalam pelaksanaannya.
5. Untuk makluman, program ini akan diperluaskan ke agensi-agensi YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), masjid-masjid dan premis kerajaan bermula bulan Oktober 2023 hingga Disember 2024 melibatkan orang awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ABDUL GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dimartabatkan dan Mahkamah Syariah dihormati sebagai institusi kehakiman Islam untuk menghentikan tindakan sesetengah pihak yang sentiasa berusaha mencabar bidang kuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri berkaitan undang-undang Islam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Perlembagaan Persekutuan telah menyediakan ruang lingkup bidang kuasa yang jelas terhadap kuasa perundangan bagi Parlimen dan DUN. Ini ditambah lagi dengan peruntukan Perkara 121(1A) yang dipinda pada tahun 1988 bagi memberikan satu garis pemisah terhadap bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah Syariah. Subseksyen 1A tersebut menjelaskan;

(1A) Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Pindaan Perkara 121(1A) bertujuan bagi mengelakkan konflik di antara keputusan mahkamah sivil dan mahkamah Syariah. Pindaan ini secara tidak langsung akan mengangkat status mahkamah syariah supaya ia tidak lagi dianggap sebagai mahkamah bawahan berbanding mahkamah sivil.

Hasrat murni pindaan ini seolah-olah tidak terlaksana sepenuhnya apabila beberapa penghakiman mahkamah sivil di lihat sebagai mengganggu bidangkuasa mahkamah Syariah. Penghakiman-penghakiman berkenaan adalah melibatkan tafsiran kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Persekutuan ataupun undang-undang Negeri. Berdasarkan Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa untuk memutuskan "tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan" atau dengan kata lain hanya Mahkamah Persekutuan yang boleh memutuskan tentang tafsiran Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan menghormati kebebasan mahkamah sebagaimana prinsip pemisahan kuasa antara eksekutif, legislatif dan kehakiman. Berkaitan cabaran undang-undang di mahkamah, ianya adalah hak keperlembagaan mana-mana individu untuk membawa perkara berkenaan untuk diputuskan oleh mahkamah yang berkompeten dan ianya diluar kawalan pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan terperinci definasi, julat, saiz dan harga siling rumah mampu milik yang diguna pakai bagi setiap negeri dan apakah mekanisme yang akan diguna pakai bagi mencapai sasaran membina 500,000 unit Rumah Mampu Milik di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan berapa daripada jumlah tersebut akan dibina di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) pada tahun 2019. DRMM menetapkan definisi Rumah Mampu Milik (RMM) sebagai rumah yang mampu dimiliki, berdaya huni dan selamat diduduki bagi memenuhi keperluan rakyat di dalam kumpulan B40 dan M40. DRMM juga menetapkan harga RMM maksimum adalah bernilai RM300,000. Walau bagaimanapun, harga RMM bagi negeri Kelantan, Perlis dan Perak adalah di paras RM150,000.

Ciri-ciri asas RMM yang ditetapkan dalam DRMM ialah berkeluasan 900 kaki persegi. Ini adalah selari dengan Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019) yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Standard ini merupakan piawaian sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan dan pembangunan RMM di Malaysia bagi memastikan penyediaan perumahan yang berkualiti dan mampan. Namun, kerajaan negeri menyesuaikan ciri dan harga RMM ini mengikut lokaliti.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, bagi mencapai sasaran pembinaan 500,000 unit RMM di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), KPKT sentiasa melihat peluang kerjasama bagi pembangunan projek baharu melalui langkah berikut:

- i. kerajaan negeri menyediakan tanah untuk pembinaan RMM khususnya Program Perumahan Rakyat (PPR). KPKT akan memberi keutamaan kepada mana-mana kerajaan negeri yang menyediakan tanah di lokasi strategik dengan kadar nominal atau percuma; dan
- ii. pelaksanaan projek secara bersama dengan pemaju swasta (contoh *land swap*, *Request For Proposal* dan *Cross Subsidy*).

SOALAN NO : 41

Selain itu, Kerajaan menggalakkan pemaju swasta untuk membangunkan RMM melalui pemberian insentif seperti berikut:

- i. memberi kemudahan bayaran deposit kepada pemaju perumahan yang membina RMM, iaitu pemaju perumahan yang membina RMM hanya perlu membayar deposit sebanyak RM200,000 ke dalam Housing Development Account (HDA) berbanding pemaju yang tidak membangunkan RMM yang perlu membayar sebanyak 3% daripada kos pembinaan;
- ii. memberi pengecualian sepenuhnya caj pematuhan dan caj pembangunan; dan
- iii. *fast lane* untuk kelulusan Kebenaran Merancang (KM), Pelan Bangunan (PB) dan lain-lain insentif di bawah kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dapat membantu pemaju untuk membangunkan RMM.

Di negeri Sabah, sebanyak 13,675 unit RMM disasarkan di bawah RMKe-12. Bagi pelaksanaan RMKe-12 setakat ini, terdapat 5,059 unit RMM telah siap dibina di Sabah. KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah jaminan dan komitmen Kementerian untuk memastikan pembinaan sebuah Balai Bomba dan Penyelamat kategori D benar-benar dapat dibina dan disiapkan segera di kawasan Parlimen Julau sepertimana yang telah dirancang di dalam Rolling Plan Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaian bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Pada masa kini, kawasan Parlimen Julau telah mendapat khidmat kebombaian daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintangor. Selain itu, sokongan perkhidmatan juga diberikan oleh BBP Sarikei dan BBP Kanowit. Berhubung dengan cadangan pembinaan balai bomba di Parlimen Julau, Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengemukakan dokumen lengkap bagi permohonan tapak kepada Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Sarikei pada 24 Mei 2022 yang diselaraskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Sarawak. Permohonan tersebut melibatkan sebahagian tapak tanah di Lot 480, Julau berkeluasan 5.75 ekar yang terletak berhampiran SMK Julau.

Penilaian tapak juga telah diperolehi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada 10 Mac 2022 dan perolehan tapak tanah tersebut telah dimohon di bawah *Rolling Plan* Keempat Tahun 2024. Namun, permohonan tersebut masih belum dapat dipertimbangkan oleh agensi pusat buat masa ini. Oleh yang demikian, Kementerian melalui JBPM bercadang untuk mengemukakan permohonan semula di bawah *Rolling Plan* Kelima Tahun 2025 bagi memastikan penyediaan fasiliti kebombaian dapat direalisasikan dalam masa terdekat.

Untuk makluman, penduduk di Parlimen Julau juga mendapat respon awal daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dengan keahlian seramai 20 orang anggota yang dilengkapi dengan sebuah kereta Proton

SOALAN NO : 42

Arena serta peralatan asas pemadaman. Selain itu, pemerkasaan pembudayaan amalan keselamatan kebakaran dalam kalangan komuniti setempat kawasan Julau juga akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- i. mewujudkan Program *Community Emergency Response Team* (CERT) melalui inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak yang bertujuan untuk melatih masyarakat tempatan di suatu lokaliti sebagai Pasukan Bertindak Awal (*First Responder*);
- ii. mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk Program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPAPI) dan Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI); dan
- iii. mempergiatkan program latihan dan pencegahan di kawasan-kawasan luar bandar/ pedalaman (*Outreach and Summer Camp*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rumah generasi kedua FELDA diteruskan seperti yang telah dirancangkan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui FELDA telah memberikan komitmen sepenuhnya bagi menyiapkan 20 tapak PGBF yang berada pada 70% kemajuan di tapak pembinaan yang melibatkan 4,794 unit rumah di bawah dana penyiapan Kertas Putih. FELDA juga sedang melaksanakan kerja-kerja penyiapan di 3 lokasi lain yang melibatkan 210 unit rumah di bawah peruntukan 2021. Menjadikan 5,004 unit rumah yang telah dan sedang dilaksanakan penyiapan berjumlah seperti yang dirancang bermula 2018.
2. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,458 unit melibatkan 12 lokasi telah siap dan perolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dan seterusnya diserahkan kepada peserta. Manakala bagi sebanyak 11 lokasi yang melibatkan 2,546 unit masih di peringkat pembinaan.
3. Kerajaan Negeri Pahang melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pengambil alihan tapak-tapak PGBF di Negeri Pahang di 10 lokasi melibatkan 1,840 unit rumah untuk disiapkan di bawah skim perumahan Negeri Pahang.
4. FELDA melalui Bahagian Kawal Selia FELDA telah mengemukakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi menyiapkan 7 tapak yang terbengkalai di seluruh Wilayah FELDA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memberi kuasa lebih luas kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal perundangan berkaitan kesalahan jenayah syariah sebagaimana titah KDYMM Sultan Selangor.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil maklum berkenaan dengan titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada 28 Ogos 2023 yang lalu mengenai cadangan penubuhan Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada golongan pakar dan pengamal undang-undang yang berkelayakan.
2. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas tersebut dan melantik pakar perundangan untuk menganggotai Jawatankuasa Khas ini.
3. Jawatankuasa Khas ini bertanggungjawab untuk mengkaji isu-isu yang melibatkan bidang kuasa Persekutuan dan Negeri khususnya berkaitan dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) mengenai penggubalan undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah menurut butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan mencari satu jalan penyelesaian yang terbaik dan harmoni.
4. Ini merupakan salah satu usaha dan komitmen Kerajaan untuk menyelesaikan isu konflik bidang kuasa antara Persekutuan dengan negeri dan antara mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah demi memartabatkan dan memperkasa perundangan syariah dan sistem kehakiman Syariah di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status siasatan oleh CyberSecurity Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi mengenai kebocoran maklumat peribadi membabitkan 13 juta pengguna yang dilaporkan pada bulan Disember 2022 serta langkah-langkah yang diambil untuk melindungi maklumat peribadi dalam pangkalan data badan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang kuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi yang melibatkan transaksi komersial.

CyberSecurity Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) sentiasa bekerjasama dalam memperkukuhkan siasatan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan keselamatan siber dengan memberikan khidmat nasihat teknikal kepada JPDP. Antaranya ialah pada 25 Disember 2022, terdapat dakwaan berlakunya ketirisan data yang merangkumi 13 juta maklumat peribadi pengguna rakyat Malaysia yang melibatkan tiga organisasi berbeza iaitu ASTRO, Maybank, dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

Lanjutan daripada laporan tersebut, JPDP dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia telah menjalankan siasatan. Hasil siasatan mengenai SPR telah diserahkan kepada Agensi Keselamatan Siber Negara, Jabatan Perdana Menteri (NACSA, JPM) yang bertanggung jawab dalam mengawal selia isu keselamatan siber. CyberSecurity Malaysia juga telah melaksanakan proses pengesahan terhadap data yang tertiris dari ASTRO dan Maybank, tetapi mendapati data tersebut tidak sepadan dengan data sebenar yang digunakan oleh kedua-dua organisasi.

Kementerian sentiasa komited dalam melindungi keselamatan data peribadi rakyat dan penduduk Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan sebagai usaha mengurangkan kes-kes kebocoran data peribadi adalah:

- (i) kajian semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] untuk penambahbaikan selaras dengan perkembangan teknologi dan perundangan perlindungan data peribadi global;
- (ii) membangunkan Kod Tataamalan, dokumen perundangan, yang memberikan panduan khusus untuk mengaplikasikan

SOALAN NO : 45

prinsip-prinsip Akta 709 dalam urusan perniagaan di organisasi;

- (iii) mengadakan program kesedaran di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna data dan rakyat umum melalui program perkongsian maklumat dan panduan di platform media sosial, jerayawara, pameran, temu bual TV dan radio serta penerbitan bahan-bahan bacaan;
- (iv) menjalankan pemeriksaan ke atas sistem pengurusan data peribadi pengguna data secara berkala untuk memastikan kepatuhan kepada Akta 709; dan
- (v) mengambil tindakan siasatan berdasarkan aduan dan maklumat mengenai insiden ketirisan data peribadi serta pelanggaran peruntukan Akta 709 bagi memberi kesedaran kepada pihak syarikat serta individu terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha membina, membaiki dan menaik taraf balai-balai bomba yang usang dan peralatan-peralatan yang uzur dan rosak terutamanya dalam Parlimen Baling.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaian terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat. Pada masa ini, kawasan Parlimen Baling mendapat khidmat kebombaian dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Baling yang dilengkapi dengan sebuah jentera bersama kekuatan keanggotaan seramai 29 orang. KPKT telah melaksanakan kerja-kerja membaik pulih fasiliti di BBP Baling yang telah selesai pada suku ketiga tahun 2023.

Berhubung cadangan menambah bilangan balai bomba di kawasan Baling, Kementerian melalui JBPM telah mengenal pasti sebidang tanah di Kuala Ketil sebagai tapak balai bomba yang baharu dengan keluasan tapak lebih kurang 1.6 ekar. Proses permohonan tapak sedang diselaraskan dan peruntukan bagi kerja awalan tanah (perolehan tanah) akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Untuk makluman, KPKT akan memberi keutamaan projek pembinaan BBP bagi tapak tanah yang disediakan secara percuma atau dengan kadar premium nominal oleh kerajaan negeri. Faktor ini akan diambil kira selain dari skor kajian *fire cover* yang dilaksanakan oleh JBPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah agensi penguatkuasa Kementerian memantau serta membanteras sindiket yang memanipulasi individu warganegara asing untuk melakukan pembelian barangan berjenama yang dijual secara terhad di sesebuah butik dengan tujuan untuk mengaut keuntungan atas angin menerusi penjualan semula pada harga yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sindiket memanipulasi warganegara asing bukan di bawah bidang kuasa Kementerian. Sewajarnya isu berkaitan dirujuk kepada Kementerian atau Agensi berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan lain lain.

Berhubung dengan sindiket penipuan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat, Kementerian mengalu alukan sebarang aduan rasmi dan sedia menyiasat di bawah undang-undang sedia ada. Adalah penting bagi peniaga menjalankan transaksi mengikut peraturan sedia ada terutama pengambilan untung yang bercanggah dengan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Di samping itu, kepentingan dan kebajikan pengguna juga wajar dilindungi dan sebarang kesalahan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan diambil tindakan serta merta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU
HASSAN [KUALA PILAH]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai usaha untuk mereformasi institusi melalui penubuhan sebuah pasukan khas yang merangkumi pemegang taruh berkaitan dan sama ada Kerajaan bercadang memasukkan wakil atau bekas banduan sebagai sebahagian daripada pasukan khas ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan pelaksanaan teras strategik Malaysia MADANI iaitu reformasi ekonomi dan infrastruktur rakyat, reformasi sosial dan keselamatan, reformasi institusi demokrasi dan perundangan serta reformasi perkhidmatan awam, Kerajaan komited untuk merealisasikan pembaharuan dan pelaksanaan agenda undang – undang serta reformasi institusi. Ini termasuklah penubuhan Pasukan Petugas Khas mengenai Reformasi Institusi yang bertujuan untuk meneliti, mengkaji dan mencadangkan reformasi institusi termasuklah mekanisme pelaksanaannya untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

2. Ciri-ciri unik Pasukan Petugas Khas ini ialah keahliannya juga termasuk pihak-pihak berkepentingan seperti wakil Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) dan Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan penglibatan yang bermakna (*meaningful engagement*) pihak-pihak berkepentingan. Pasukan Petugas Khas ini telah melaksanakan Bengkel Reformasi Institusi pada 17 Januari 2023 sebagai permulaan dan seterusnya ke arah sesi libat urus. Susulan, pelbagai usaha reformasi telah mula dilaksanakan seperti penggubalan Akta Kebebasan Maklumat (Freedom of Information Act), undang-undang Pendanaan Politik serta kesediaan dalam mewujudkan Ombusman yang berkesan dan lain-lain lagi.

3. Buat masa ini Pasukan Khas berkenaan tidak melibatkan wakil atau bekas banduan namun Kerajaan akan mempertimbangkan penglibatan wakil atau bekas banduan dalam sesi – sesi libat urus Pasukan Khas yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkasa Sekretariat Muafakat Komuniti di Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan peningkatan peruntukan bagi mencapai kesejahteraan hidup dan mewujudkan generasi mampan memandangkan bahawa terdapat masalah sosial yang membimbangkan di kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) yang ditubuhkan di Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih melaksanakan program mendaya upaya komuniti di bawah lapan (8) kluster Dasar Komuniti Negara (DKomN). PSMK bertindak sebagai pemudah cara dan bertanggungjawab menjalinkan kolaborasi antara pelbagai pihak berkepentingan dengan komuniti. Jalinan kolaborasi antara PSMK dengan pelbagai pihak adalah merujuk kepada Jabatan/Agensi Kerajaan di pelbagai peringkat, pihak swasta, institusi pengajian tinggi dan Badan Bukan Kerajaan. Ini adalah antara langkah yang dilaksanakan bagi memperkasakan PSMK. PSMK sentiasa berusaha untuk meningkatkan kerjasama dengan pelbagai pihak dan seterusnya meningkatkan juga dari segi pelaksanaan program berbanding tahun-tahun sebelum ini tertakluk kepada kelulusan peruntukkan. Melalui kerjasama strategik ini, program mendaya upaya komuniti dapat diperkasakan.

DKomN yang digubal oleh KPKT adalah bertujuan untuk menangani isu sosial perumahan di peringkat komuniti setempat. Dengan pelaksanaan Dasar ini, pelbagai program telah diperkenalkan kepada komuniti perumahan yang memberi fokus kepada lapan (8) kluster DKomN. Lapan (8) kluster tersebut merupakan kumpulan faktor-faktor utama dalam mengubah minda serta sikap komuniti di sesebuah lokaliti perumahan. KPKT sentiasa berusaha dalam permohonan bajet tahunan supaya peruntukan yang diluluskan lebih tinggi daripada tahun sebelumnya tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia. Sebanyak 657 program mendaya upaya komuniti yang memfokuskan lapan (8) kluster tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2022. Antara program yang telah dilaksanakan bagi menangani masalah sosial adalah seperti berikut:

- (i) Kluster 1 : Infrastruktur dan Penyelenggaraan
Program #KitaSatuBumbung bersama Keluarga PPRS Pinggiran Putra merupakan program kerjasama dengan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) untuk memperkasakan kesedaran dan penglibatan komuniti bagi menghasilkan komuniti yang mempunyai *sense of belonging* terhadap kawasan yang didiami.

- (ii) Kluster 2 : Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan
Program Laman Indah dan Kempen Kesedaran Kebersihan Bersama Komuniti PPR Kota Bharu merupakan program untuk meningkatkan kesedaran komuniti mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga kebersihan alam sekitar dan bukannya hanya terletak pada bahu satu pihak sahaja.
- (iii) Kluster 8 : Sukan dan Rekreasi
Program Jom Hidup Sihat #Keluarga Malaysia Di PPR Taman Bagan Jaya merupakan antara program sukan dan rekreasi yang dilaksanakan agar kanak-kanak dan remaja di kawasan perumahan tersebut dapat mengisi masa dengan aktiviti yang bermanfaat dan baik untuk kesihatan fizikal. Secara tidak langsung, masalah sosial dan perkara tidak baik seperti melepak, merayau-rayau tanpa tujuan dan vandalism dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), jumlah pegawai awam Persekutuan daripada kaum India yang sedang berkhidmat ketika ini adalah 41,168 orang iaitu 4.15% daripada jumlah keseluruhan penjawat awam. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan pengambilan dan pelantikan calon kaum India kepada 7% selari dengan nisbah komposisi penduduk kaum India di Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu pihak berkuasa melantik bagi perkhidmatan awam. Selain SPA, pihak berkuasa melantik lain adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan.
2. Bagi SPA, kaedah pengambilan dan pelantikan pegawai ke perkhidmatan awam am Persekutuan yang dilaksanakan adalah telus berdasarkan merit dan kompetensi calon. **Tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu** bagi pelantikan semua jawatan dalam perkhidmatan awam. Semua warganegara Malaysia termasuk kaum minoriti, Cina dan India mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam **persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*)**.

NO. SOALAN : 50

TAHUN	KAUM	PERMOHONAN (A)	PANGGIL TEMU DUGA (B)	HADIR TEMU DUGA (C)	JUMLAH LANTIK (D)	PERATUS LANTIK DARI HADIR TEMU DUGA (D/C)
2022	Melayu	952,300 (74.4%)	97,473 (10.2%)	64,813 (66.5%)	16,126 (77.7%)	24.9%
	Cina	15,806 (1.2%)	4,450 (28.2%)	3,833 (86.1%)	1,014 (4.9%)	26.5%
	India	38,005 (3.0%)	4,516 (11.9%)	3,672 (81.3%)	991 (4.8%)	27.0%
	Bumiputera Sabah	133,405 (10.4%)	10,126 (7.6%)	7,462 (73.7%)	1,199 (5.8%)	16.1%
	Bumiputera Sarawak	82,176 (6.4%)	8,658 (10.5%)	6,127 (70.7%)	887 (4.3%)	14.5%
	Orang Asli Semenanjung	3,706 (0.3%)	217 (5.9%)	135 (62.2%)	45 (0.2%)	33.3%
	Lain-lain	54,096 (4.2%)	4,058 (7.5%)	2,855 (70.35%)	500 (2.4%)	17.5%
	JUMLAH	1,279,494	129,498	88,897	20,762	

*Lain-lain kaum – Portugis, Sikh, Siam dan lain-lain

3. Bagi tahun **2022**, SPA telah menerima sebanyak **1,279,494** permohonan dan telah memanggil seramai **129,498** orang calon yang memenuhi syarat skim perkhidmatan dan penilaian yang ditetapkan untuk ditemu duga. Seramai **88,897** orang calon telah hadir dan daripada jumlah tersebut, seramai **20,762** orang calon telah dilantik tetap terdiri daripada **16,126 (77.7%)** kaum Melayu, **1,014 (4.9%)** kaum Cina, **991 (4.8%)** kaum India, **1,199 (5.8%)** Bumiputera Sabah, **887 (4.3%)** Bumiputera Sarawak, **45 (0.2%)** Orang Asli dan **500 (2.4%)** lain-lain kaum.

4. Bagi kaum India, SPA telah menerima sebanyak **38,005 (3.0%)** permohonan dan memanggil seramai **4,516 (11.9%)** orang calon untuk ditemu duga. Seramai **3,672 (81.3%)** orang calon telah hadir dan daripada jumlah tersebut, seramai **991 orang (4.8%)** orang calon telah dilantik tetap.

5. Sekiranya dilihat dari aspek peluang untuk dilantik daripada kalangan yang hadir temu duga, peratus komposisi bangsa bagi kaum Melayu, Cina dan India hampir sama iaitu **sebanyak 24.9% (Melayu), 26.5% (Cina) dan 27.0% (India)**. Di samping itu, Orang Asli mencatat peratus tertinggi iaitu sebanyak **33.3%**.

6. SPA sentiasa menjalinkan kerjasama strategik bersama agensi yang menguruskan hal ehwal masyarakat tertentu seperti Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan (NGO). Inisiatif berterusan oleh SPA seperti Program Libat Urus, Hari Kerjaya, Hari Bertemu Pelanggan dan program *outreach* disasarkan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak terhadap tata kelola pengambilan SPA dan memberi panduan serta menggalakkan masyarakat pelbagai kaum untuk menyertai perkhidmatan awam. Jalinan kerjasama dan program *outreach* ini **sekali gus meningkatkan kefahaman masyarakat tentang ketelusan proses pengambilan dan pemilihan calon berasaskan merit dan kompetensi.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perkembangan terkini perancangan untuk melaksanakan lesen khas perniagaan dalam talian bagi mengekang isu penipuan transaksi dalam talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menangani isu penipuan penjualan dalam talian, Kementerian mewajibkan peniaga yang menjalankan perniagaan atas talian berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Seksyen 2, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197), Selain itu di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012, peniaga atas talian juga dikehendaki memaparkan lapan (8) perkara utama sepertimana berikut:

1. Nama – Individu/perniagaan/syarikat;
2. Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat;
3. Emel, no telefon atau alamat perniagaan;
4. Perihal ciri-ciri utama barangan atau perkhidmatan;
5. Harga penuh termasuk kos penghantaran, pengangkutan, cukai atau kos-kos lain;

6. Kaedah pembayaran;
7. Terma dan syarat; dan
8. Anggaran masa penghantaran.

Ini adalah bagi memastikan langkah melindungi pengguna terpelihara dan kegagalan peniaga untuk mematuhi lapan (8) perkara tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Seterusnya, Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Semakan Perundangan e-dagang bagi memastikan dasar, peraturan dan undangundang sedia ada sentiasa bersesuaian dengan keperluan semasa khususnya pertumbuhan sektor e-dagang secara semakin pesat dan dinamik.

Kementerian juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kajian Perundangan E-Dagang (JKED) untuk melaksanakan kajian perundangan e-Dagang secara menyeluruh termasuk cadangan untuk memperkenalkan lesen khas peniaga atas talian. Sebagai salah satu petunjuk prestasi untuk Kementerian ini di bawah *National E-Commerce Strategic Roadmap* (NESR), kajian semakan perundangan ini dijangka dapat disiapkan pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI
ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]**
TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, liwat, mengaibkan kehormatan dan jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018 - 2022 di mana pelaku dituduh di mahkamah, disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh, mengaku salah dan dihukum.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, liwat, mengaibkan kehormatan dan jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018 - 2022 di mana pelaku dituduh di mahkamah, disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh, mengaku salah dan dihukum adalah seperti berikut:

SEKSYEN AKTA	BILANGAN KES DITUDUH DI MAHKAMAH	SABITAN SELEPAS BICARA PENUH	OKT MENGAKU SALAH
SEKSYEN 326A KANUN KESEKSAAN	6164	187	3075
SEKSYEN 376 KANUN KESEKSAAN	4625	379	1113
SEKSYEN 354 KANUN KESEKSAAN	1840	120	860
SEKSYEN 377C KANUN KESEKSAAN	775	46	173
SEKSYEN 509 KANUN KESEKSAAN	546	22	363
AKTA KESALAHAN- KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017	6096	482	1511

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pandangan dan pertimbangan Kerajaan terhadap gesaan untuk melaksanakan pemetaan semula persempadanan perairan Singapura dan Johor terutama di perairan Selat Tebrau susulan insiden nelayan tempatan dihalau pihak berkuasa Singapura ketika memasang jaring udang di Kawasan Pasir Laba.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia dan Singapura telah memeterai perjanjian, dengan izin, ***Agreement Between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Singapore to Delimit Precisely the Territorial Waters Boundary In Accordance With the Straits Settlement and Johore Territorial Waters Agreement 1927*** pada 7 Ogos 1995.

3. Perjanjian ini merupakan satu-satunya perjanjian persempadanan perairan di antara kedua-dua negara di mana sebelum tahun 1995, sempadan perairan Malaysia-Singapura di Selat Tebrau yang juga dikenali sebagai Selat Johor adalah berdasarkan pertengahan alur air dalam (atau dengan izin, *centre of deep water channel*) sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Perjanjian Perairan Negeri-negeri Selat dan Kerajaan Johor bertarikh 19 Oktober 1927 atau lebih dikenali sebagai, dengan izin, ***The Straits Settlements and Johore Territorial Waters Agreement 1927***.

4. Sehubungan itu, Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa kerja-kerja pemetaan semula persempadanan perairan Singapura dan Johor di Selat Tebrau tidak perlu dilaksanakan memandangkan persempadanan perairan Malaysia-Singapura di Selat Tebrau telah pun dimuktamadkan dan masih lagi terpakai sehingga kini.

5. Malaysia dan Singapura masih mempunyai segmen yang belum dimuktamadkan dan sedang dirunding.

Sekian, terima kasih.